

STRATEGI KELANGSUNGAN TADIKA SWASTA DI LUAR BANDAR SABAH DALAM MENGHADAPI DASAR PELUASAN PRASEKOLAH DAN KURIKULUM PRASEKOLAH 2026 (KP2026)

SURVIVAL STRATEGIES OF PRIVATE KINDERGARTENS IN RURAL SABAH IN FACING THE PRESCHOOL EXPANSION POLICY AND PRESCHOOL CURRICULUM 2026 (KP2026)

Rozy Munsing¹
Mohd Asri Mohd Noor^{2*}

¹ Program Doktor Pendidikan (EdD), Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

Emel: munsingrozy@gmail.com

² Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

Emel: mohd.asri@fpe.upsi.edu.my

* Corresponding Author

Article history

Received date : 19-6-2026

Revised date : 20-6-2026

Accepted date : 25-7-2026

Published date : 1-8-2026

To cite this document:

Munsing, R., & Mohd Noor, M. A. (2026). Strategi kelangsungan tadika swasta di luar bandar Sabah dalam menghadapi dasar peluasan prasekolah dan Kurikulum Prasekolah 2026 (KP2026). *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (85), 157 – 162.

Abstrak: Pelaksanaan Dasar Peluasan Prasekolah oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) serta pengenalan Rancangan Pendidikan Malaysia (RPM) 2026-2035 yang diiringi oleh Kurikulum Prasekolah 2026 (KP2026), yang berkuat kuasa mulai Januari 2026 menggantikan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK Semakan 2017), telah memberi impak signifikan terhadap tadika swasta di kawasan luar bandar Sabah. Kertas konsep ini bertujuan mengenal pasti strategi kelangsungan yang berpotensi digunakan oleh tadika swasta di luar bandar Sabah dalam menghadapi cabaran berganda: persaingan daripada prasekolah kerajaan bersubsidi dan keperluan penyesuaian kurikulum baharu. Menggunakan pendekatan sintesis naratif tematik terhadap literatur yang relevan, perbincangan menumpukan kepada tiga aspek utama iaitu cabaran operasi, kekuatan unik tadika swasta, serta strategi adaptasi yang berpotensi memastikan kelangsungan institusi tersebut. Kerangka konseptual kajian bersandarkan Teori Kelangsungan Organisasi (Organizational Resilience Theory) dan Model Pasaran Pendidikan (Educational Market Competition Model). Implikasi kajian ini relevan kepada penggubal dasar, pengendali tadika swasta, serta komuniti luar bandar Sabah bagi memastikan kepelbagaian pilihan pendidikan awal kanak-kanak dapat dikekalkan.

Kata Kunci: tadika swasta, luar bandar Sabah, KP2026, dasar peluasan prasekolah

Abstract: *The implementation of the Preschool Expansion Policy by the Ministry of Education Malaysia (MOE) and the introduction of the Malaysia Education Plan (MEP) 2026-2035, accompanied by the Preschool Curriculum 2026 (KP2026) effective January 2026 replacing the National Standard Preschool Curriculum (KSPK Revision 2017), has significantly impacted private kindergartens in rural Sabah. This concept paper aims to identify potential survival strategies for private kindergartens in rural Sabah facing dual challenges: competition from subsidised government preschools and adaptation to the new curriculum. Using a narrative thematic synthesis approach, the discussion focuses on operational challenges, the unique strengths of private kindergartens, and adaptive strategies. The conceptual framework is grounded in Organizational Resilience Theory and the Educational Market Competition Model. Findings are relevant to policymakers, private kindergarten operators, and rural Sabah communities.*

Keywords: *private kindergarten, rural Sabah, KP2026, preschool expansion policy*

Pengenalan

Pendidikan awal kanak-kanak merupakan asas pembangunan modal insan negara. Menurut Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, kerajaan Malaysia komited untuk meningkatkan kadar penyertaan prasekolah kepada 87% menjelang 2025. Usaha ini direalisasikan melalui penubuhan kelas prasekolah kerajaan di seluruh negara, termasuk di pedalaman Sabah.

Perkembangan ini semakin diperkukuh dengan pelancaran Rancangan Pendidikan Malaysia (RPM) 2026-2035 yang antara lain menetapkan bahawa prasekolah bermula pada usia lima tahun mulai 2027. Selari dengan itu, Kurikulum Prasekolah 2026 (KP2026) telah dilaksanakan mulai Januari 2026, menggantikan KSPK Semakan 2017, sebagai sebahagian daripada Kerangka Kurikulum Persekolahan 2027 (KP2027). KP2026 adalah wajib bagi semua prasekolah di bawah KPM, KEMAS, Jabatan Perpaduan Negara dan sektor swasta yang menggunakan kurikulum kebangsaan (Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM, 2025).

Walau bagaimanapun, perkembangan pesat prasekolah awam, ditambah dengan keperluan penyesuaian KP2026, telah mewujudkan senario cabaran berganda bagi tadika swasta luar bandar. Situasi ini lebih ketara di Sabah yang mempunyai kepelbagaian etnik lebih 30 kumpulan peribumi, cabaran geografi pedalaman, dan taraf sosioekonomi yang masih rendah (Jabatan Pendidikan Sabah, 2022).

Pendekatan Metodologi Sintesis

Kertas konsep ini menggunakan pendekatan sintesis naratif tematik (narrative thematic synthesis) sebagai asas perbincangan dan pembinaan kerangka konseptual (Thomas & Harden, 2008; Gough, Oliver & Thomas, 2017). Proses sintesis melibatkan tiga peringkat berstruktur: Peringkat Pertama: Pencarian dan Pemilihan Literatur — Pencarian literatur dijalankan menggunakan pangkalan data Google Scholar, ERIC dan MyJurnal dengan kata kunci utama: prasekolah swasta Malaysia, KP2026, dasar pendidikan awal kanak-kanak, organizational resilience dan private kindergarten sustainability. Sumber dokumentasi dasar rasmi turut dirujuk termasuk PPPM 2013-2025, RPM 2026-2035 dan Dokumen KP2026 (BPK, KPM, 2025). Pemilihan sumber mengutamakan penerbitan tahun 2003 hingga 2026.

Peringkat Kedua: Analisis Tematik — Sumber yang dipilih dianalisis secara tematik untuk mengenal pasti tema berulang berkaitan: (i) kesan dasar terhadap institusi swasta; (ii) cabaran

operasi tadika luar bandar; (iii) perubahan kurikulum dan implikasinya; dan (iv) strategi kelangsungan organisasi pendidikan (Thomas & Harden, 2008).

Peringkat Ketiga: Sintesis dan Pembinaan Kerangka Konseptual — Hasil analisis tematik disintesis secara induktif dan diintegrasikan dengan dua kerangka teori bagi membina cadangan strategi kelangsungan. Disadari bahawa pendekatan ini bersifat interpretatif dan dapatan perlu disahkan melalui kajian empirikal lanjutan (Levy & Ellis, 2006).

Pernyataan Masalah Dan Objektif

Sejak pelaksanaan Dasar Peluasan Prasekolah bermula 2003 dan diperluaskan dalam PPPM 2013-2025, bilangan prasekolah kerajaan di Sabah meningkat ketara. Kini dengan RPM 2026-2035 dan pelaksanaan KP2026, tadika swasta luar bandar Sabah berdepan lima cabaran utama: (i) Penurunan enrolmen akibat penghijrahan murid ke prasekolah kerajaan; (ii) Tekanan kewangan, kos infrastruktur, gaji dan bahan P&P; (iii) Kekurangan guru berkelayakan yang memilih sektor awam; (iv) Beban penyesuaian KP2026 dengan latihan semula guru tanpa sokongan sistematik luar bandar; dan (v) Ketidakpastian peranan dan nilai tambah unik tadika swasta kepada komuniti.

Objektif kertas konsep ini adalah untuk: (i) Mengenal pasti cabaran utama tadika swasta luar bandar Sabah akibat dasar peluasan prasekolah dan KP2026; (ii) Menganalisis kekuatan unik tadika swasta sebagai asas strategi kelangsungan; dan (iii) Mencadangkan kerangka strategi kelangsungan bersesuaian konteks luar bandar Sabah.

Sorotan Literatur

Dasar Peluasan Prasekolah Di Malaysia

Dasar Peluasan Prasekolah merupakan kesinambungan komitmen kerajaan sejak Akta Pendidikan 1996 dan diperkukuh dalam PPPM 2013-2025. Kajian Rohaty Mohd Majzub (2013) mendapati dasar ini meningkatkan akses pendidikan awal di pedalaman, namun turut membawa kesan sampingan terhadap kelangsungan institusi swasta. Kini, RPM 2026-2035 memperluas lagi sasaran dengan penurunan umur kemasukan prasekolah kepada lima tahun mulai 2027.

Kurikulum Prasekolah 2026 (KP2026)

KP2026 digubal berlandaskan kurikulum berasaskan kompetensi, berbeza dengan KSPK yang bersifat berasaskan subjek. KP2026 mengandungi enam bidang pembelajaran — Sosioemosi; Fizikal dan Kesejahteraan Diri; Kerohanian, Nilai dan Kewarganegaraan; Bahasa dan Literasi; Kognitif; dan Kreativiti dan Estetika — dengan tujuh kompetensi merentas bidang (BPK, KPM, 2025). Peruntukan masa ialah 1,200 minit seminggu.

Jadual 1: Perbandingan KSPK Semakan 2017 dan Kurikulum Prasekolah 2026 (KP2026)

KSPK Semakan 2017	Kurikulum Prasekolah 2026 (KP2026)
Berasaskan Subjek (tunjang & bidang pembelajaran)	Berasaskan Kompetensi (7 kompetensi merentas bidang)
Fokus akademik: baca, tulis & mengira	Fokus aplikasi ilmu: menyelesaikan masalah & nilai murni
Teacher-led: guru ajar, murid ikut	Child-centred: murid terokai, guru pandu & respon
Banyak lembaran kerja (worksheet)	Projek hands-on: murid jadi problem solver
Hafal fakta, sifir & definisi	Faham konteks, amalkan nilai, guna kemahiran sebenar

Sumber: BPK, KPM (2025); TheChildTime (2025)

Penataran KP2026 kepada guru tadika swasta telah dijalankan sejak Oktober 2025, namun kekurangan sokongan latihan kepada tadika luar bandar menjadi isu yang perlu diberi perhatian (TUNTASN9, 2025).

Konteks Luar Bandar Sabah

Sabah mempunyai landskap pendidikan unik dengan kepelbagaian etnik lebih 30 kumpulan peribumi, bahasa ibunda pelbagai, serta cabaran infrastruktur pedalaman (Jabatan Pendidikan Sabah, 2022). Kajian Baba (2010) dan Abdul Halim (2018) menunjukkan komuniti luar bandar Sabah mengharapkan institusi pendidikan yang memahami konteks budaya dan bahasa tempatan — ruang yang berpotensi diisi tadika swasta.

Kerangka Konseptual

Teori Kelangsungan Organisasi (Organizational Resilience Theory) — Teori Horne dan Orr (1998) serta Linnenluecke (2017) menekankan keupayaan organisasi menyesuaikan diri dan bertransformasi dalam persekitaran berubah. Tadika swasta perlu menunjukkan resiliensi melalui inovasi pengurusan dan pembinaan jaringan komuniti, terutama dalam menghadapi KP2026 dan persaingan prasekolah kerajaan serentak.

Model Pasaran Pendidikan (Educational Market Competition Model) — Bersandarkan Chubb dan Moe (1990) serta Whitty (2002), model ini melihat pendidikan sebagai pasaran di mana institusi bersaing melalui kualiti dan tawaran unik. Tadika swasta perlu memposisikan diri sebagai niche provider yang memenuhi keperluan spesifik komuniti luar bandar melalui penggunaan bahasa ibunda dan fleksibiliti operasi.

Perbincangan: Isu Dan Implikasi

Kekuatan Unik Tadika Swasta

Berdasarkan sintesis naratif tematik terhadap literatur yang dikenal pasti (Bahagian 1.1), tadika swasta luar bandar Sabah memiliki kekuatan unik yang menjadi asas strategi kelangsungan: (i) fleksibiliti mengadaptasi KP2026 mengikut keperluan tempatan dan bahasa ibunda; (ii) ikatan emosi dan kepercayaan komuniti yang lebih erat berbanding institusi kerajaan baharu; (iii) kepakaran menyampaikan KP2026 dalam bahasa ibunda murid; dan (iv) waktu operasi fleksibel yang memenuhi keperluan ibu bapa bekerja.

Strategi Kelangsungan Yang Dicadangkan

Jadual 2 merumuskan enam strategi kelangsungan yang dicadangkan bagi tadika swasta luar bandar Sabah:

Jadual 2: Strategi Kelangsungan Tadika Swasta Luar Bandar Sabah

Kod	Strategi	Huraian
S1	Pembezaan Kurikulum	Program bahasa ibunda, seni budaya tempatan & STEAM sebagai nilai tambah KP2026
S2	Jaringan Komuniti	Kerjasama PIBG, ketua kampung & NGO tempatan untuk kepercayaan dan enrolmen
S3	Model Hibrid	Daycare + prasekolah KP2026 — memenuhi keperluan ibu bapa bekerja luar bandar
S4	Penyesuaian KP2026	Manfaatkan fleksibiliti KP2026 untuk integrasi konteks tempatan & budaya Sabah
S5	Digitalisasi	Platform digital untuk meningkatkan kualiti PdP mengikut spesifikasi KP2026
S6	Advokasi Dasar	Desak pengiktirafan & sokongan latihan KP2026 bagi tadika swasta luar bandar

Sumber: Adaptasi daripada kajian literatur (2024-2026)

Strategi-strategi ini bersandarkan kekuatan unik tadika swasta yang tidak dapat dengan mudah ditiru oleh prasekolah kerajaan, khususnya dalam aspek bahasa ibunda dan keakraban komuniti. Kejayaan KP2026 di luar bandar Sabah sebenarnya memerlukan penglibatan aktif tadika swasta sebagai pelaksana yang lebih dekat dengan komuniti tempatan.

Rumusan Dan Cadangan

Kertas konsep ini berhujah bahawa tadika swasta di luar bandar Sabah tidak sepatutnya dilihat sebagai kompetitor kepada prasekolah kerajaan, sebaliknya sebagai rakan pelengkap dalam ekosistem pendidikan awal kanak-kanak yang menyeluruh. Walaupun Dasar Peluasan Prasekolah dan pelaksanaan KP2026 membawa tekanan berganda, terdapat ruang signifikan bagi tadika swasta untuk kekal relevan melalui strategi pembezaan dan pembinaan identiti unik berasaskan konteks tempatan.

Berikut adalah cadangan untuk kajian lanjutan:

1. Kajian kualitatif, temu bual mendalam dengan pengusaha tadika swasta dalam era KP2026 di luar bandar Sabah.
2. Analisis komparatif keberkesanan penataran KP2026 antara kawasan bandar dan luar bandar Sabah.
3. Kajian kesan dasar terhadap akses pendidikan awal kumpulan minoriti etnik pedalaman Sabah.
4. Penilaian sokongan institusional yang diperlukan bagi memastikan tadika swasta luar bandar dapat melaksanakan KP2026 dengan berkesan.

Penghargaan

Pengkaji ingin merakamkan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada penyelia kajian, Prof. Madya Dr. Mohd Asri bin Mohd Noor, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan

Sultan Idris (UPSI), atas segala bimbingan akademik yang tidak ternilai, ketinggian kepakaran beliau dalam bidang kepimpinan pendidikan, serta sokongan intelektual dan dorongan yang berterusan dalam proses pembangunan kertas konsep ini. Penulis juga ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang memberikan sokongan dan kerjasama dalam penyelidikan ini, khususnya kepada pengendali tadika swasta di luar bandar Sabah yang turut memberikan maklumat berharga dalam kajian ini.

Rujukan

- Abdul Halim, H. (2018). Pendidikan awal kanak-kanak di Sabah: Cabaran dan harapan. Universiti Malaysia Sabah Press.
- Baba, S. (2010). Kepelbagaian etnik dan implikasinya terhadap sistem pendidikan di Sabah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 35(2), 11-22.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia. (2025). Dokumen Kurikulum Prasekolah 2026. KPM. ISBN: 978-967-420-784-7.
- Brainy Bunch. (2026, Januari). Guru swasta berisiko hilang kerja, pengusaha tadika saran tubuh agensi khas. <https://www.brainybunch.com>
- Chubb, J. E., & Moe, T. M. (1990). Politics, markets, and America's schools. Brookings Institution Press.
- Gough, D., Oliver, S., & Thomas, J. (2017). An introduction to systematic reviews (2nd ed.). Sage Publications.
- Horne, J. F., & Orr, J. E. (1998). Assessing behaviors that create resilient organizations. *Employment Relations Today*, 24(4), 29-39.
- Jabatan Pendidikan Sabah. (2022). Laporan tahunan pendidikan Sabah 2022. JPN Sabah.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. KPM.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2026). Rancangan Pendidikan Malaysia (RPM) 2026-2035. KPM.
- Levy, Y., & Ellis, T. J. (2006). A systems approach to conduct an effective literature review in support of information systems research. *Informing Science Journal*, 9, 181-212.
- Linnenluecke, M. K. (2017). Resilience in business and management research: A review of influential publications and a research agenda. *International Journal of Management Reviews*, 19(1), 4-30.
- Norizan Esa & Zanaton Iksan. (2016). Pendidikan prasekolah swasta di Malaysia: Isu dan cabaran. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak*, 5(1), 1-14.
- Rohaty Mohd Majzub. (2013). Preschool education issues and challenges in Malaysia. *Middle-East Journal of Scientific Research*, 13, 19-27.
- TheChildTime. (2025). Perbezaan KSPK vs KP2026. Threads. <https://www.threads.com/@thechildtime>
- Thomas, J., & Harden, A. (2008). Methods for the thematic synthesis of qualitative research in systematic reviews. *BMC Medical Research Methodology*, 8(1), 45. <https://doi.org/10.1186/1471-2288-8-45>
- TUNTASN9. (2025). Penataran Kurikulum Prasekolah 2026: Persediaan guru dan pengusaha tadika swasta. <https://tuntasn9.com.my>
- Whitty, G. (2002). Making sense of education policy. Sage Publications.
- Woodhead, M. (2006). Changing perspectives on early childhood: Theory, research and policy. UNESCO.
- Zigler, E., & Styfco, S. J. (2004). The head start debates. Paul H